



INISIATIF PEDULI RAKYAT (IPR) SKIM AIR DARUL EHSAN

Apakah itu Skim Air Darul Ehsan?

Skim Air Darul Ehsan adalah program penjajaran semula pemberian air percuma kepada kumpulan sasar penduduk Negeri Selangor.

Siapakah yang layak menikmati Skim Air Darul Ehsan?

Skim Air Darul Ehsan ini layak dinikmati oleh pelanggan - pelanggan yang menepati syarat-syarat seperti berikut:

- i. Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan menetap di Negeri Selangor
- ii. Pendapatan bulanan isi rumah RM4,000 dan ke bawah (suami dan isteri termasuk pendapatan pasangan bukan warganegara, tiada pasangan atau bujang)
- iii. Premis kediaman meter individu
- iv. Pemohon hanya layak memohon untuk satu akaun /premis sahaja

Nota:

Pengguna akaun meter pukal dalam kategori pangaspuri kos rendah akan terus menerima 20 meter padu air percuma di bawah Skim Air Darul Ehsan secara automatik sehingga 31 Disember 2021 mengikut kaedah sedia ada yang melibatkan JMB/MC serta Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS).

Bilakah tempoh pendaftaran Skim Air Darul Ehsan bermula?

Pendaftaran Skim Air Darul Ehsan akan dibuka semula untuk permohonan bermula pada 01 April 2020.

Bagaimanakah cara untuk memohon Skim Air Darul Ehsan?

- i. Permohonan Skim Air Darul Ehsan boleh dibuat secara atas talian melalui laman sesawang www.ssipr.selangor.gov.my
- ii. Borang permohonan yang boleh di muat turun atau diperolehi melalui saluran berikut:
 - www.airselangor.com
 - Kaunter Perkhidmatan di sepuluh (10) pejabat wilayah Pengurusan AirSelangor Sdn.Bhd.
 - Pusat Khidmat Masyarakat (PKM)
- iii. Borang permohonan yang telah lengkap boleh dihantar melalui emel ke iprair@airselangor.com atau melalui mana-mana Kaunter Perkhidmatan di sepuluh (10) pejabat wilayah Pengurusan Air Selangor Sdn.Bhd.

Nota:

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pendaftaran adalah secara atas talian di www.ssipr.selangor.gov.my. Pelanggan juga boleh memuat turun borang permohonan di laman sesawang www.airselangor.com dan borang permohonan yang telah lengkap boleh dihantar melalui emel ke iprair@airselangor.com

Untuk maklumat lanjut layari
www.airselangor.com
atau hubungi talian 15300